

TREN PENGGANASAN MASA KINI: SATU CABARAN BARU BAGI MASYARAKAT ISLAM SINGAPURA - UST H MOHAMED B ALI

Oleh Ustaz Mohamed bin Ali

SEKALI LAGI warga Singapura amnya dan masyarakat Islam khususnya dikejutkan dengan berita penahanan beberapa orang Islam di bawah Akta Keselamatan Negara (ISA) berkaitan dengan penglibatan mereka dalam kegiatan yang menjurus kepada ekstremisme dan penganasan. Antara yang menjadi kejutan terbesar kali ini ialah penangkapan seorang karyawan muda yang menjadi radikal secara persendirian setelah terpengaruh dengan pembacaannya di laman internet.

Namun apakah ini benar-benar suatu perkara yang benar-benar mengejutkan atau pun sudah dijangkakan buat sekian lama? Menurut Banci Dunia Gallup 2007 yang melibatkan lebih 9,000 umat Islam di 9 negara, profil seorang radikal masakini berbeza dari profil atau tanggapan bagi seorang radikal di masa lalu. Antaranya, mereka yang menjadi radikal masakini rata-rata lebih berpelajaran tinggi dari mereka yang berpandangan sederhana (moderate), menjawat pekerjaan yang lebih baik serta mempunyai masa depan yang lebih cerah dan cemerlang.

Ternyata profil radikal yang dibayangkan oleh Banci Gallup 2007 itu menepati profil Abdul Basheer yang ditangkap ketika sedang membuat persiapan untuk melaksanakan jihad militan di Afghanistan. Mengapakah seseorang yang berpelajaran tinggi serta berjawatan mulia sanggup menggadaikan kesejahteraan hidup serta mengorbankan masa depan mereka yang cerah dan memilih jalan yang semestinya lebih sukar, penuh ranjau dan berisiko? Bagaimana pula mereka ini boleh terpengaruh dengan apa yang didapati di laman Internet?

Tren Penganasan Baru

Setelah peristiwa 11 September 2001, dunia telah bekerja keras untuk membasmi penganasan. Taktik utama yang digunakan Amerika Syarikat dan sekutunya adalah dengan menggunakan kekuatan kuasa dan tentera untuk memusnahkan sel-sel penganasan serta

memincangkan dana-dana penganasan mereka di serata dunia. Taktik ini telah pun memperlihatkan keberkesannya dari beberapa sudut, tetapi ternyata para penganas berkenaan mempunyai daya ketahanan yang utuh. Kini, walaupun lemah dari segi infrastruktur dan kewangan, tren penganasan masakini telah berubah haluan di mana ideologi yang berteraskan extremism yang dipelopori kumpulan Al-Qaeda telah berjaya di'francaiskan' ke umat Islam di serata dunia melalui media massa seperti internet. Kepesatan dan keluasan tersebarnya ideologi ekstremis inilah cabaran paling sengit yang kita sedang hadapi sekarang iaitu suatu yang tidak mudah untuk dikekang.

Faktor-Faktor Yang Mendukung Radikalisme Masakini

Ada beberapa perkara yang mencetuskan atau mendokong berlakunya radikalisme masakini. Antara sebab asas adalah arus globalisasi yang melanda masyarakat masakini. Di zaman globalisasi ini, dunia bergerak maju dan ramai yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan pesat yang berlaku di sekeliling mereka. Ini mengakibatkan ramai di antara kita yang merasa tidak berdaya melawan arus globalisasi dari menghakis nilai-nilai yang mereka punyai serta jati diri mereka yang sebenar. Buat umat Islam sejagat, ini mencetuskan fenomena kebangkitan Islam (Islamic Resurgence) atau fenomena di mana mereka semakin sedar dan berminat untuk menjalani kehidupan yang lebih Islami demi untuk mengekalkan nilai-nilai murni dan identiti diri mereka.

Malangnya, ramai di kalangan umat Islam yang kurang dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran untuk menyesuaikan pemahaman dan pengamalan Islam mereka dalam konteks dunia yang pesat berubah. Ini adalah kerana umat Islam sedang menghadapi krisis intelektual yang semakin meruncing dalam dunia Islam. Buat sekian lamanya, kita ketandusan para ilmuwan dan pemikir Islam yang benar-benar dapat membimbing dan memandu umat Islam melalui cabaran dunia yang pesat berubah. Kegagalan untuk menyesuaikan ajaran Islam di era globalisasi dan di dunia yang sekular bermakna umat Islam tidak dilengkapi secukupnya untuk mengharungi cabaran-cabaran mendatang di samping dapat berpegang kukuh kepada nilai dan ajaran Islam. Ini mencetuskan pelbagai masalah dalam dunia Islam, termasuk terbentuknya satu kumpulan orang Islam yang mendokong pandangan yang menjurus kepada radikalisme dan ideologi ganas demi untuk membenteng diri dari tekanan sekularisme dan arus kemodenan.

Ada juga yang merasakan bahawa arus globalisasi dan dunia sekular menghakis nilai-nilai kemanusiaan dan kerohanian dalam diri seseorang itu. Dalam negara yang pesat

membangun seperti Singapura, ada yang beranggapan kecemerlangan material yang dikecapi telah menggadaikan kecemerlangan dari segi spiritual atau kerohanian. Jika kita merujuk kepada Kertas Putih yang dikeluarkan pemerintah Singapura berkaitan dengan penangkapan anggota Jemaah Islamiyah (JI), kita akan dapati bahawa ramai di kalangan anggota JI mengutamakan agama mereka iaitu keselamatan kerohanian mereka dari keselesaan dan kemewahan kehidupan. Ini yang membuat mereka mula mencari-cari jalan untuk mendaalimi pengetahuan keagamaan mereka.

Sebenarnya, ini sejajar dengan hieraki keperluan manusia seperti yang diutarakan oleh Maslow yang mengatakan bahawa kemuncak dari segala keinginan kita ialah membina identiti atau jati diri kita sebenar. Ini tidak dapat dikecapi dengan pembangunan material sahaja tetapi memerlukan pengisian kerohanian yang kukuh. Oleh itu, mereka yang telah dapat mengukuhkan keperluan asasi mereka seperti makan, minum, tempat tinggal yang selamat akan berusaha pula mencari kasih-sayang, perasaan kebersamaan (sense of belonging) dan seterusnya jati diri mereka. Oleh itu, kita dapat melihat antara alasan yang diberi oleh anggota JI adalah mereka tertarik kepada JI kerana dapat merasakan semangat kebersamaan di dalam sebuah kumpulan. Ada pula yang merasakan mereka merasa selesa dalam kumpulan itu kerana adanya guru yang dapat membasmi dilema yang berkecamuk di sanubari mereka kerana tidak dapat menyesuaikan diri hidup di dalam kesekitaran yang sekular dan pada masa yang sama menjadi orang Islam yang baik. (sila rujuk pada kertas putih yang dikeluarkan Kementerian Dalam Negeri)

Mencari Huraian Bagi Masalah

Menegakkan Pemahaman Islam Sebenar

Antara perkara yang harus segera dilakukan ialah mengembalikan kefahaman Islam yang sebenar. Dunia Islam hari ini tandus dengan ulama yang benar-benar dapat memahami dan sekaligus menangani keprihatinan dan dilemma masyarakat Islam sejagat dan ini antara lain telah melahirkan individu-individu yang cetek pengetahuan agamanya tetapi bertindak untuk memberikan terjemahan atau huraian mereka sendiri yang seringkali berpandangan sempit mengenai pengamalan Islam di dunia moden ini. Mereka ini adakalanya dipanggil fundamentalists yang bermaksud untuk mengembalikan kegemilangan Islam seperti zaman Nabi dan para sahabat dan solafussoleh dahulu kala. Tetapi keketatan ilmu agama mereka telah mengakibatkan mereka untuk membuat terjemahan yang lebih berbentuk literal dan tanpa mengambil kira konteks dan keadaan masakini yang banyak berbeza dari zaman dahulukala.

Umpamanya dalam permasalahan jihad, mereka sering menggunakan ayat-ayat yang dinamakan ayat-ayat pedang. Umpamanya ayat 5 Surah At-Taubah: “Apabila sudah habis bulan-bulan haram itu, maka bunuhlah orang Musyrikin itu di mana saja kamu jumpai mereka, dan tangkaplah mereka...” Ayat ini telah disalah ertikan oleh golongan ekstremis yang menganggapnya sebagai ayat yang memansuhkan ayat lain berkenaan peperangan dan sekaligus merupakan satu keizinan mutlak untuk membunuh orang Musyrik di mana saja mereka berada. Tetapi jika kita lihat ayat ini dari konteks sebenarnya, ia merupakan perintah Allah untuk memerangi atau menghalau orang Musyrik yang telah berkali-kali membatalkan perjanjian damai mereka dengan kaum Muslim dan yang dengan jelas mempunyai niat jahat terhadap kaum Muslim. Namun, dalam keadaan itu sekalipun pihak musuh tetap diberi amaran yang mencukupi iaitu masa sepanjang empat bulan haram sebelum kaum Muslim dibenarkan untuk melancarkan perang di atas mereka.

Pihak ekstremis juga telah memesongkan beberapa ayat al-Quran demi untuk kepentingan mereka. Ketika Osama bin Laden ditanya wartawan mengapa beliau membenarkan pembunuhan orang awam ketika peristiwa 11 September 2001, dia menjawab bahawa tindakan itu wajar kerana ia adalah demi membela pembunuhan orang awam di Palestine, Iraq dan di mana sahaja oleh tentera Amerika Syarikat. Walaupun dia mengaku bahawa ada hadis sahih yang melarang pembunuhan kanak-kanak dan wanita, dia berkata ada pula ayat Quran yang membenarkan seperti ayat 126 Surah An-Nahl:” Dan jika kamu memberi balasan, maka balaslah dengan balasan yang sama dengan siksaan yang ditimpakan kepadamu...”

Dalam penafisiran ayat ini, Abdullah Yusuf Ali menjelaskan bahawa ayat ini sebenarnya adalah ayat yang melarang kita dari sikap melampau batas sekalipun di dalam membalas tindakan musuh. Dan yang terpenting, Osama bin Laden tidak melihat kepada penghujung ayat ini yang berbunyi,“...Akan tetapi jika kamu bersabar sesungguhnya itulah yang lebih baik bagi orang-orang yang sabar.” Oleh itu, jika kita melihat secara keseluruhannya, ayat ini sebenarnya menggalakkan kita untuk bersabar daripada melakukan pembalasan atas perbuatan salah orang lain.

Pentingnya Pembimbing Dalam Mencari Ilmu

Permasalahan individu-individu yang dipesongkan oleh pembacaan di laluan internet lantas menjadi radikal, jelas menunjukkan kesukaran-kesukaran yang ditempuh oleh mereka yang menuntut ilmu tanpa kehadiran pembimbing yang sahih. Kepentingan berguru

di dalam menuntut ilmu ini jelas apabila kita menghayati bahawa Rasulullah s.a.w sendiri tidak menerima wahyu yang terus-menerus dari Allah tetapi dengan perantaraan Jibril a.s. sebagai guru. Adab menuntut ilmu ini ditekan apabila kita merenung hadis di mana Rasulullah s.a.w. dan Jibril a.s duduk saling berhadapan dengan lutut mereka bertemu sempena Rasulullah s.a.w. diberi penerangan berkenaan Islam.

Cara ini juga yang diamalkan oleh para sahabat Nabi, di mana guru bukan saja merupakan sumber ilmu tetapi merupakan contoh ikutan dari segi akhlaq dan keperibadian mereka. Malah kumpulan sahabat Nabi yang ditugaskan mengumpulkan hadis-hadis nabi (Ahl-Hadis) bukan saja memastikan bahawa ia adalah kata-kata dan perbuatan nabi tetapi cara penyampaian beliau juga dirakamkan sebagai sunnah Nabi s.a.w.

Kembali ke Tradisi Islam Intelektual

Seperti yang telah dijelaskan di atas tadi, punca segala permasalahan umat Islam hari ini adalah kepupusan tradisi Islam intelektual yang dahulunya melahirkan cendiakawan dan pemimpin Islam yang berwibawa dan yang dapat membawa umat Islam keluar dari setiap masalah yang mereka hadapi di zaman mereka. Malah, mereka telah berjaya menjadi pelopor dan penyelesaian bagi permasalahan umat sejagat.

Oleh itu, kita seharusnya kembali kepada tradisi intelektual Islam yang bukan saja menekankan kepentingan ilmu tetapi juga tugas membersihkan hati bagi menjana akhlaq sempurna yang dapat menjamin kesejahteraan dan keberkatan ilmu yang dikecapi. Para ulama dan pemikir Islam masakini mempunyai peranan besar lagi kritikal untuk menggandakan usaha untuk mencari jalan-jalan keluar yang dapat diterima masyarakat umum. Cabaran ini harus disahut terutama sekali oleh badan-badan dan pemimpin-pemimpin masyarakat Islam yang dipertanggungjawabkan untuk memimpin umat Islam yang merupakan golongan minoriti dalam negara yang mengamalkan sistem sekular. Mereka seharusnya peka dengan keprihatinan yang disuarakan oleh umat Islam setempat yang mengharapkan penjelasan bernas terhadap masalah-masalah atau dilema yang mereka hadapi dalam kehidupan seharian mereka untuk menjadi rakyat yang baik yang sekaligus tidak menggadaikan nilai-nilai Islam. Mereka harus dengan hati terbuka menerima pandangan berbeza dan berusaha untuk mencari jalan penyelesaian kepada suara-suara pembangkang di kalangan umat Islam itu sendiri. Dialog harus dijalankan bukan sahaja untuk antara gama tetapi juga dengan suara-suara dari kalangan orang Islam yang

mempunyai pandangan berbeza di dalam Islam.

Sekiranya ini tidak dapat dilakukan dengan baik, maka tidak hairanlah jika gejala ekstremisme ini akan berterusan. Malah, kita juga sedang berhadapan dengan satu lagi permasalahan dalam masyarakat kita yang bertentangan dengan masalah ekstremisme iaitu golongan yang mempunyai pandangan yang mirip kepada pandangan liberalisme di mana mereka melepaskan segala nilai-nilai Islam yang tidak dapat mereka sesuaikan dengan kehidupan dan cabaran hidup di dunia sekular. Sebagai contoh yang mudah, di mana pihak ekstremis melihat bahwa kita seharusnya makan hanya makanan yang dimakan Rasulullah, pihak liberal pula melepaskan segala adab dan peraturan makan secara Islam, termasuk halal dan haramnya. Di sini, jelas kita perlu ambil jalan pertengahan yang sememangnya digalakkan Islam, iaitu makan dan minum apa yang ada di zaman kita tetapi mengikut adab dan cara makannya Rasulullah, termasuk mengikut syarat halal dan haram.

Menghadapi Penganasan Siber

Kecenderungan para belia kepada bersimpati atau menyokong gerakan militan dan kumpulan penganasan datangnya dari pelbagai sebab. Selain rasa marah ke atas layanan yang dikatakan tidak adil kepada kepentingan Islam dan Muslim, misalnya dalam isu Palestin dan kesan penaklukan Iraq, ia juga akibat tekanan dalaman terhadap salahkuasa rejim di negara-negara Islam sendiri, juga rasa terpinggir dan kemiskinan. Dengan kepelbagaian sebab itu, penghuraian kepada isu ini perlu menggunakan kepelbagaian pendekatan. Ini termasuk memenangi hati dan jiwa para belia Muslim itu sendiri melalui usaha menghuraikan secara jujur hal-hal yang menyebabkan tumbuh rasa kurang selesa terhadap kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat.

Kita juga bukan saja harus menyediakan laman web alternatif untuk belia, tetapi harus bekerja keras menggagalkan laman web yang bertemakan ekstremisme dan penganasan. Iaitu kita seharusnya menyiapkan hujah-hujah yang bernas dan yang dapat diterima oleh orang ramai mengenai mengapa propaganda yang diwar-warkan oleh setiap satu lawan web jihadi itu tidak menepati ajaran Islam dan mengajak kepada kehancuran.

Cabaran ekstremisme dan penganasan di kalangan masyarakat Islam kelihatannya berterusan, walaupun berbagai usaha telah dilakukan oleh semua pihak. Berjaya atau tidak dalam menangainya, terletak di tangan semua, pemerintah, masyarakat dan juga setiap

individu. Kes radikalisme atau self-radicalisation yang ternyata berlaku di negara kita ini, menunjukkan bahawa ia adalah satu lagi cabaran besar yang memerlukan perhatian dan usaha kita semua.

Artikel pandangan:

Ustaz Mohamed Bin Ali

*Penyelidik Pengurusan di Sekolah Pengajian Antarabangsa S Rajaratnam, Universiti
Teknologi Nanyang dan*

Anggota Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG)